

Najib Ucap Selamat Hari Polis Kepada Warga PDRM

Bernama

25 Mac, 2013

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengucapkan Selamat Hari Polis kepada semua warga Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Najib menerusinya Twitternya turut menzahirkan penghargaan kepada PDRM kerana sentiasa memastikan keselamatan negara dan rakyat terjamin.

"Selamat Hari Polis kepada warga PDRM. Terima kasih kerana memastikan keselamatan rakyat Malaysia sentiasa terjaga selama ini," katanya.

Pagi ini perdana menteri memeriksa kawalan kehormat dan menyaksikan perarakan perbarisan oleh 1,300 pegawai dan anggota polis sempena sambutan Hari Polis ke-206 di Pusat Latihan Polis (Pulapol), di sini.

Pada majlis itu Najib turut menyampaikan anugerah kenaikan pangkat secara Medan Posthumous kepada lapan anggota polis yang terkorban akibat pencerobohan penganas di Sabah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=937104>